

## JAKMAS KKTU UMS Tanya Khabar Melalui Program Ziarah

Terakhir dikemaskini: Khamis, 08 Mac 2018 18:23 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 387

[Syorkan 2](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**JUMAAT, 9 MAC** – Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan dari bilik ke bilik di kolej kediaman berkenaan baru-baru ini.

Yang Dipertua JAKMAS KKTU, Mohammad Azad Hafiz Ismail berkata, program tersebut yang dinamakan Program Ziarah Warga KKTU 3.0 merupakan salah satu usaha menjaga kebajikan warga kolej KKTU sendiri.

“Pada kunjungan ini, agihan

bubur Ayam KKTU turut diadakan yang dihasilkan sendiri oleh penasihat Kelab Memasak KKTU, Noorazmil Noortar di samping ramah mesra bertanya khabar dan mendengar segala maklum balas daripada warga kolej kediaman terutama berkaitan perkhidmatan yang disediakan pihak JAKMAS,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke arah membawa institusi pengajian tinggi Malaysia menuju Revolusi Industri 4.0, JAKMAS KKTU turut memanfaatkan penggunaan telefon pintar menerusi aplikasi *Google Form* sebagai medium mendapatkan maklum balas berkaitan program ziarah berkenaan.

Dalam pada itu, Pengetua KKTU, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin berkata, program ziarah seumpama itu penting untuk kesepaduan dan kerjasama penghuni kolej.

“Konsep gotong royong yang menjadi salah satu pengisian dalam program ini telah semakin pupus di zaman moden, justeru penganjurannya suatu langkah yang tepat bagi menyemai semula budaya ini khususnya dalam kalangan mahasiswa,” katanya.

Program Ziarah Warga KKTU itu turut mendapat pujian daripada Pengetua Kolej Kediaman Excellent, Dr. Syahrudin Haji Awang Ahmad.

“Ini merupakan suatu usaha yang sangat murni di samping dapat memupuk pelbagai nilai positif dalam kalangan pelajar universiti,” jelasnya.

Majlis perasmian program yang melibatkan lebih 1,500 pelajar kolej kediaman itu disempurnakan Timbalan Pengetua KKTU, Herman Salah.